

24 SEP 2000

PBTM-Perlembagaan

PERSATUAN KAJI PERLEMBANGAAN UNTUK UBAH NASIB ANGGOTA

KOTA BAHARU, 24 Sept (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) bercadang untuk meminda perlembagaannya bagi memastikan nasib kira-kira 250,000 anggotanya lebih terbela pada masa depan.

Presidennya Datuk Muhammad Ghani berkata kajian yang akan dibuat itu bagi mengenal pasti program yang boleh membantu anggotanya menikmati pembangunan negara.

"PBTM sedar ketika ini masih ramai bekas tentera berada dalam kedaifan ekoran tidak berdaftar dengan persatuan menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Pada persidangan PBTM tahunan ke-75 semalam di Sepang, Muhammad mengekalkan jawatan presiden PBTM bagi penggal 2000-2003 selepas menewaskan Tengku Abdullah Sultan Abu Bakar dengan majoriti 37 undi.

Muhammad berkata Biro Pemantauan diwujudkan untuk memastikan pendaftaran, pembelaan, laporan dan saluran bantuan kepada anggota lebih tersusun.

Menurutnya Yang Dipertua PBTM di seluruh negeri dipertanggungjawabkan mengemas kini senarai keanggotaan dan mendapatkan anggota baru bagi mengukuhkan PBTM.

Katanya PBTM juga akan menubuhkan Tabung Khas (TK) dengan kerjasama Kementerian Pertahanan untuk mencari dana bagi membantu anggota yang memerlukan bantuan.

"Saya akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan (Datuk Seri Najib Tun Razak) tidak lama lagi untuk membincangkan tabung khas itu, dan sekiranya berjalan lancar modal akan dikeluarkan untuk anggota yang ingin menjalankan perniagaan," katanya.

Katanya, PBTM memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai memperingati jasa kerajaan yang banyak membantu bekas perajurit.

--BERNAMA

ANM RAR RI